

16/05/2004

SC hormai Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Sekuriti (SC) malam tadi memberi penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana kepemimpinannya selama 22 tahun yang membantu menjadikan Malaysia sebuah ekonomi baru yang muncul paling terkemuka di dunia.

Dalam ucapannya pada majlis makan malam bagi meraikan pencapaian dan sumbangan beliau, Pengerusi SC, Md Nor Yusof, berkata inisiatif berani yang diambil Dr Mahathir dalam ekonomi telah membantu Malaysia mencapai status negara perdagangan ke-17 terbesar di dunia dan keempat terbesar dari segi daya saing perdagangan yang hanya diatasi oleh Amerika Syarikat, Kanada dan Australia.

Lebih penting lagi kejayaan ekonomi itu tidak dicapai dengan mengorbankan pembangunan fizikal dan sosial ataupun memencilkan diri dari arena politik global," katanya.

"Dua puluh tahun lalu, Malaysia dikenali sebagai sebuah negara pengeksport timah dan getah yang terletak di utara Singapura dan di selatan Thailand. Hari ini, negara ini adalah tempat terletaknya KLIA, Putrajaya, Cyberjaya, Koridor Raya Multimedia dan Menara Berkembar," katanya.

(END)